

Pembinaan Kecemerlangan Diri Pimpinan Pelajar Menerusi Penglibatan Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai

Johari Hassan & Sutinah A. Safar

Fakulti Pendidikan,

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat perkaitan pembinaan kecemerlangan diri pimpinan pelajar menerusi penglibatan dalam aktiviti kokurikulum. Ia juga untuk melihat hubungan di antara aspek kecemerlangan diri bagi pembinaan sahsiah diri dengan kepimpinan dan kepimpinan dengan aktiviti akademik. Kajian ini juga untuk melihat perbezaan aspek kepimpinan diri responden Kajian ini berbentuk deskriptif yang melibatkan 166 orang pelajar yang memegang pelbagai jawatan dalam aktiviti kokurikulum di UTM dengan menggunakan kaedah rawak mudah. Instrumen kajian merupakan set soal selidik dengan tahap kebolehpercayaan 0.75. Data di kumpul dan dianalisis menggunakan SPSS 10.0 untuk mendapatkan frekuensi, peratus, min, ujian-t dan korelasi, dan kemudiannya dipersembahkan dalam bentuk jadual. Dapatan kajian menunjukkan responden memberi maklum balas positif terhadap pembinaan sahsiah diri, kepimpinan dan aktiviti akademik menerusi aktiviti kokurikulum dengan skor min keseluruhan adalah 4.13. Melalui ujian korelasi pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kedua-dua hubungan yang dikaji. Daripada segi jantina, ujian-T menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi aspek kepimpinan diri responden. Pada keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa pembinaan kecemerlangan diri menerusi penglibatan dalam kokurikulum di kalangan pemimpin pelajar di Universiti Teknologi Malaysia adalah positif.

Katakunci : kecemerlangan diri pimpinan pelajar, penglibatan dalam aktiviti kokurikulum

Pengenalan

Antara kejayaan akademik dan kejayaan sahsiah, sudah jelas yang menjadi pilihan ibu bapa dan para pelajar ialah kejayaan akademik. Itu merupakan ukuran kejayaan seseorang pelajar di peringkat sekolah lagi sehingga di universiti. Ibu bapa pasti akan merasa bangga dengan kecemerlangan akademik anak-anak mereka.

Kejayaan akademik dinilai melalui peperiksaan yang diadakan sepanjang persekolahan atau pengajian seseorang pelajar. UPSR menjadi penilai kejayaan akademik anak-anak di peringkat sekolah rendah. PMR pula adalah garis penilaian kejayaan pelajar-pelajar di peringkat menengah rendah, manakala SPM pula tahap yang menilai kejayaan pelajar peringkat menengah tinggi. Begitu juga dengan STPM dan seterusnya pengajian di IPTA/IPTS.

Namun tidak ramai yang memberi nilai tinggi terhadap perkembangan sahsiah, harga diri dan kepimpinan seseorang anak atau pelajar. Mungkin pihak sekolah, terutama sekolah berasrama penuh, memberikan sedikit penekanan kepada aspek pembinaan sahsiah diri dan kepimpinan. Tetapi majoritinya tidak ramai yang memberi perhatian mendalam di dalam aspek berkenaan. Bagaimana pula dengan mahasiswa di institut pengajian tinggi?. Mahasiswa yang cemerlang akademiknya belum pasti menjamin kecemerlangan sahsiah dirinya. Justeru itu semua pihak terutama ibu bapa dan pihak universiti perlu mengambil peranan untuk memastikan mahasiswa disediakan dengan latihan dan aktiviti yang berfaedah seperti kokurikulum supaya turut cemerlang dari segala aspek kehidupan terutamanya sahsiah diri.

Dari sudut kepimpinan pula merupakan antara aspek yang mendapat perhatian pelbagai pihak dalam menyediakan golongan muda yang juga terdiri dari kalangan mahasiswa sebagai golongan yang bakal menjadi pemimpin negara. Kepimpinan dapat dijelaskan sebagai satu proses mempengaruhi ke atas kumpulan dalam situasi dan masa yang khusus yang dapat merangsang ahli-ahli untuk berusaha secara rela hati bagi mencapai matlamat bersama. Kepimpinan yang cekap dan berkesan boleh menentukan maju mundurnya sesebuah organisasi (Gribben, 1972). Pemimpin adalah individu yang berwibawa, berketerampilan, berdaya tahan dan berkarisma. Proses membentuk dan melahirkan pemimpin yang terbaik memerlukan masa yang panjang. Pemimpin yang hebat sekarang ini tidak dilahirkan sebagai pemimpin secara semula jadi, sebaliknya dibentuk melalui proses pembentukan daya kepimpinan yang berterusan sejak zaman persekolahan (Azizah, 1991).

Justeru, mahasiswa perlu mempersiapkan diri dengan segala keperluan asas yang merangkumi tiga fakulti keinsanan iaitu rohani, jasmani dan intelek. Mahasiswa perlu memahami falsafah di sebalik pengajaran dan pembelajaran yang dilalui di universiti. Pendidikan menjadi alat ataupun mekanisme utama ke arah membentuk individu yang berilmu, beretika tinggi dan berdaya saing. Di samping itu, mereka perlu meletakkan diri sebagai '*global player*' dalam mendepani dunia tanpa sempadan atau cabaran globalisasi. Sejarah silam menunjukkan bahawa pendidikan menjadi teras dalam pembangunan individu yang kental, pembinaan masyarakat yang utuh dan pembentukan kehidupan negara harmoni. Dunia hari ini amat memerlukan keperibadian mahasiswa yang ampuh daripada aspek keintelektualan, keterampilan dan keteguhan sahsiah. Semua ini hanya boleh dicapai jika bermula dengan penghayatan kepada ilmu serta memiliki kefahaman yang jelas terhadap konsep ilmu sebenar yang perlu kepada keseimbangan aspek rohani, jasmani dan intelek.

Pernyataan Masalah

Melanjutkan pelajaran di peringkat universiti merupakan idaman semua pelajar sejak di bangku sekolah. Selain menjadi "*tiket*" untuk mendapat pekerjaan yang baik, universiti juga adalah tempat untuk melatih sifat kepemimpinan dan keterampilan diri manusia terpelajar atau mahasiswa sebagai pemimpin yang akan berbakti kepada masyarakat dan negara apabila tamat pengajian.

Mahasiswa atau penuntut universiti sering dilihat sebagai manusia yang unggul kerana terpelajar dan dipandang tinggi oleh masyarakat. Mahasiswa yang dianggap unggul juga merupakan mereka yang sihat aqidah, kukuh akhlak, luas pemikiran, kuat tubuh badan, mampu mencari sara hidup, tepat ibadah, bermujahadah terhadap dirinya, menjaga waktu, tersusun rapi segala urusannya serta berguna kepada orang lain. Mereka juga memiliki kecergasan, kecerdasan, semangat dan kemahuan yang tinggi. Bahkan, ada yang menganggap bahawa pandangan dan teguran mereka ini adalah ikhlas kerana belum dipengaruhi kepentingan tertentu, terutama yang berbentuk duniawi seperti pangkat, kuasa, harta dan populariti atau glamor.

Timbul banyak persoalan dalam diri penyelidik antaranya, adakah graduan universiti tempatan mempunyai sahsiah yang layak dibanggakan? Adakah graduan tempatan mampu membawa perubahan kepada diri, keluarga, masyarakat, agama dan negara? Adakah graduan tempatan kita efektif dan efisien dalam gerak kerja mereka? Adakah graduan tempatan mampu memimpin negara dengan baik di zaman mereka menjadi pemimpin kelak?.

Secara umumnya, setakat ini penyelidik masih tidak nampak *trend* ke arah graduan yang mampu membawa perubahan kepada negara. Sebaliknya, ramai di kalangan graduan yang masih kurang memiliki kemahiran dan keterampilan diri terutama aspek pengurusan masa, menjaga

akhlak, komunikasi yang berkesan dan seterusnya daya kepimpinan yang merangkumi dimensi yakin diri, membuat keputusan, menyelesaikan masalah, kepuasan menjalankan tugas dan sikap tanggungjawab terhadap tugas. Malah berlaku sebaliknya yang mana masalah kebejatan akhlak dan moral pelajar berlaku di kalangan mereka yang menuntut ilmu. Masyarakat pada hari ini sudah begitu sinonim dengan berita-berita yang tumbuh bagai cendawan selepas hujan dengan isu keruntuhan akhlak dan moral golongan muda. Ini ditambah lagi dengan isu pengangguran seolah-olah dibenarkan oleh perangkaan yang menyatakan puluhan ribu graduan menganggur turut membabitkan graduan Melayu dan Muslim. Adakah ini juga menggambarkan mereka belum cukup bersedia untuk melangkah ke alam pekerjaan disebabkan kurangnya daya saing dan kualiti yang diperlukan oleh pasaran kerjaya? Kenapa?.

Setiap usaha yang disusun ke arah membina kecemerlangan pasti ada cabaran dan masalah dalam memastikan usaha tersebut mencapai kejayaannya. Justeru berikut merupakan beberapa masalah yang dilihat memberikan kesan kepada kelancaran sesuatu usaha ke arah kecemerlangan.

Seperti yang kita maklum, setiap mahasiswa disogokkan dengan satu program akademik yang begitu padat sekali sehingga sukar mencari ruang untuk mahasiswa menimba ilmu dan mencari pengalaman yang baru. Para akademik biasanya berpegang kepada prinsip bahawa program akademiknya adalah yang paling penting, dan hampir tidak ada satu perkara lain pun yang sepenting kurikulumnya untuk dimanfaatkan oleh mahasiswa. Kecemerlangan pada diri mahasiswa selalunya dilihat dari segi akademik semata.

Sudah menjadi hakikat bahawa kebanyakan pelajar mempunyai sikap untuk mendapatkan kelulusan yang "cukup makan" sahaja. Justeru itu, kita dapati bahawa kebanyakan pelajar Bumiputera khususnya tidak mencapai keputusan akademik yang cemerlang walhal mereka juga mempunyai kebolehan yang baik berbanding dengan mahasiswa bukan Bumiputera. Sudah banyak terdapat pelajar Bumiputera di peringkat sekolah yang berjaya dengan keputusan yang cemerlang. Tetapi, mengapakah fenomena kecemerlangan mahasiswa bukan Bumiputera lebih baik berbanding mahasiswa Bumiputera

Oleh yang demikian, maka lahirlah idea untuk melihat perkaitan pembinaan kecemerlangan diri pimpinan pelajar menerusi penglibatan dalam aktiviti kokurikulum yang merangkumi pembinaan sahsiah diri, pembinaan kepimpinan dan aktiviti akademik khususnya pimpinan pelajar yang sememangnya terlibat secara langsung dalam aktiviti kokurikulum.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk melihat perkaitan pembinaan kecemerlangan diri pemimpin pelajar dan hubungan yang terdapat di antara aspek-aspek kajian. Penyelidik ingin melihat bagaimana sumbangan yang dapat dihasilkan melalui penglibatan dalam aktiviti kokurikulum iaitu sukan dan permainan, persatuan dan kelab, dan badan beruniform dapat membantu pembentukan pelajar yang cemerlang dan unggul. Secara terperinci objektif kajian ialah:

- i. Mengetahui perkaitan pembinaan kecemerlangan diri pimpinan pelajar menerusi penglibatan dalam aktiviti kokurikulum dari aspek pembinaan sahsiah diri, kepimpinan dan aktiviti akademik
- ii. Melihat hubungan antara aspek pembinaan sahsiah diri dan kepimpinan pimpinan pelajar.
- iii. Melihat hubungan antara aspek kepimpinan dan aktiviti akademik pimpinan pelajar.
- iv. Melihat perbezaan antara aspek kepimpinan pelajar lelaki dan perempuan.

Kepentingan Kajian

Matlamat pendidikan menyeluruh tidak dapat dicapai jika pihak pengurusan universiti khususnya HEP (Hal Ehwal Pelajar) tidak member keutamaan yang sewajarnya bagi menimbangkan antara kepentingan aktiviti kokurikulum dengan akademik dan kurang pula menekankan tentang penglibatan menyeluruh mahasiswa dalam aktiviti kokurikulum. Mahasiswa perlu diberi ruang untuk mengembangkan potensi mereka secara menyeluruh dan bersepadu agar mereka menjadi insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani dan sahsiah. Selain itu, aktiviti kokurikulum juga mempunyai peranan dalam pembentukan personaliti pemimpin pada diri mahasiswa. Dapatan ini disokong oleh Omardin (1996) yang menegaskan aktiviti kokurikulum yang diadakan bertujuan melahirkan pemimpin dalam kalangan mahasiswa. Berdasarkan permasalahan-permasalahan yang dinyatakan terdahulu dan kepentingan yang dinyatakan di atas maka kajian tentang pembinaan kecemerlangan diri pimpinan pelajar menerusi penglibatan dalam aktiviti kokurikulum amat penting berdasarkan rasional berikut:-

- i. Maklumat mengenai pembentukan daya kepimpinan amat penting untuk memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar tentang kepentingan melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum untuk menyeimbangkan antara perkembangan mental dengan perkembangan intelek, rohani, emosi, jasmani dan sahsiah.
- ii. Kajian ini dapat memberi maklumat kepada pihak pengurusan university agar memberi keutamaan yang sewajarnya dalam aktiviti kokurikulum walaupun Pusat Kokurikulum telah diwujudkan, namun pengurusan dan penyelarasan sistematik berkenaan penglibatan mahasiswa dalam kokurikulum perlu diteliti dan dikaji semula.
- iii. Dapatan kajian ini dapat dijadikan panduan kepada penasihat-penasihat aktiviti kokurikulum untuk memantau aktiviti kokurikulum kelolaan mahasiswa berdasarkan kepada objektif dan matlamat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.
- iv. Hasil kajian dapat memberi input kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi untuk menetapkan dasar menggalakkan penglibatan pelajar yang menyeluruh dalam aktiviti kokurikulum seperti mewujudkan kaedah merit seperti yang telah dilaksanakan sekolah.
- v. Kajian ini juga diharapkan dapat memberi sumbangan kepada penyelidikan mengenai kesan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum dan hubungannya dengan pembinaan kecemerlangan diri. Diharapkan ia akan menjadi salah satu bahan rujukan untuk penyelidikan lain yang berminat untuk membuat kajian lanjutan.
- vi. Memberi cadangan kepada pihak KPT supaya dapat mempertingkatkan lagi mutu pengurusan dan pelaksanaan kokurikulum di IPT.
- vii. Memberi pengetahuan kepada pihak pengurusan kokurikulum university bagi memberi kefahaman yang jelas kepada pelajar dalam persepsi negatif terhadap kegiatan kokurikulum dapat dikikis seterusnya dapat mendorong pelajar terlibat dengan kokurikulum.
- viii. Memberi kesedaran kepada ibu bapa atau penjaga tentang kepentingan kegiatan kokurikulum kepada pembinaan diri mahasiswa. Adalah diharapkan ibu bapa akan memberikan kebenaran dan menggalakkan anak-anak untuk menyertai aktiviti kokurikulum di IPT.
- ix. Memberi kesedaran kepada mahasiswa tentang kesan penglibatan diri dalam aktiviti kokurikulum mampu membina kecemerlangan diri mereka berdasarkan responden yang dipilih dalam kalangan pemimpin pelajar yang terlibat secara aktif dalam kokurikulum.

Reka bentuk Kajian

Kaedah kajian yang digunakan ini adalah kaedah deskriptif berbentuk tinjauan yang diolah untuk mendapatkan maklum balas mengenai pembinaan kecemerlangan diri menerusi penglibatan pemimpin pelajar UTM dalam aktiviti kokurikulum. Mohd Majid (1993), menjelaskan kajian berbentuk tinjauan adalah paling sesuai digunakan dalam penyelidikan yang dijalankan di mana matlamatnya ialah untuk mengumpulkan maklumat-maklumat tentang sesuatu peristiwa yang sedang berlaku.

Penyelidik telah menggunakan borang soal selidik dengan 5 skala untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki dengan lebih cepat dan mendapat gambaran yang mendalam mengenai permasalahan kajian yang dijalankan. Soal selidik merupakan satu instrumen yang lazim digunakan dalam sesuatu penyelidikan. Ia juga adalah kaedah yang paling mudah untuk mendapatkan kerjasama daripada responden (Tuckmen, 1978). Selain itu, soal selidik juga dapat mengurangkan kos perbelanjaan, masa dan tenaga bagi mengumpul data. Penggunaan skala likert dalam soal selidik bagi sesuatu set senarai kenyataan telah digunakan untuk mengetahui persepsi responden terhadap isu-isu yang dikemukakan. Kaedah penyebaran soal selidik ini adalah responden menjawab secara individu dan dijawab pada boring jawapan yang disediakan.

Populasi dan Sampel Kajian

Bagi menyempurnakan penyelidikan ini, anggaran populasi responden adalah terdiri daripada 290 pemimpin pelajar yang terlibat dalam organisasi aktiviti kokurikulum sama ada kelab dan persatuan, unit beruniform dan sukan dan permainan. Pemilihan dilakukan secara rawak berkelompok di mana sampel dipilih berdasarkan populasi yang terdiri daripada pelajar yang mempunyai jawatan dalam kokurikulum dan terlibat secara aktif dalam organisasi. Saiz sampel yang digunakan dalam kajian ini adalah 166 orang yang terdiri dari pelbagai fakulti yang berbeza berdasarkan Jadual Populasi oleh Krejcie dan Morgan (1970).

Faktor-faktor yang diambil kira dalam pemilihan pelajar di university sebagai sampel kajian adalah seperti berikut :

- i. Aktiviti kokurikulum yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan universiti adalah menyeluruh khusus untuk menyediakan pelajar yang lengkap dengan pakej yang diperlukan oleh masyarakat.
- ii. Penglibatan pelajar di pelbagai peringkat sama ada di kolej, mewakili universiti, negeri, kebangsaan ataupun antarabangsa menunjukkan keaktifan pelajar dalam aktiviti kokurikulum di luar atau dalam kampus.

Instrumen Kajian

Jenis instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik bagi mengumpul data kuantitatif responden. Menurut Mohd Najib (2003), instrumen berbentuk soal selidik adalah lebih mudah ditadbir setelah dibina dengan baik dan data senang diproses dan di analisis. Penggunaan borang soal selidik sebagai instrumen kajian dikukuhkan lagi dengan pendapat Mohd. Majid (1998), yang menyatakan bahawa soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan di dalam penyelidikan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Bilangan responden yang ramai juga akan dapat meningkatkan kebolehpercayaan kajian.

Kajian Rintis

Menurut Polit et al. (2001), kajian rintis merujuk kepada versi kajian kecil atau percubaan yang dilakukan sebagai persediaan untuk kajian yang lebih besar atau utama. Tujuan utama

kajian rintis adalah untuk ,menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen (Mohd Najib, 2003). Kajian rintis juga merupakan pra-ujian untuk mencuba instrumen kajian khusus. Kelebihan kajian rintis adalah dapat membantu pengkaji memperoleh petunjuk awal tentang item-item yang mungkin tidak tepat atau gagal (Baker, 1994).

Penyelidik telah menjalankan kajian rintis dengan melibatkan 14 orang responden yang terdiri dari pelajar di Fakulti Pendidikan di Universiti Teknologi Malaysia.

Dalam kajian ini, antara objektif kajian rintis adalah untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan item-item dari segi ketepatan, kesesuaian istilah dan struktur ayat supaya tidak timbul kekeliruan dan salah tafsir. Selain itu, penyelidik telah menguji sama ada item-item yang dikemukakan itu adalah berkaitan dengan pengetahuan dan pengalaman pelajar. Penyelidik juga mengetahui jangka masa yang digunakan oleh responden untuk menjawab semua item dalam soal selidik. Responden diminta menjawab semua item dan seterusnya memberi ulasan dan pandangan mereka terhadap soal selidik tersebut. Pandangan dan ulasan mereka dijadikan panduan dalam memperbaiki soal selidik kajian ini.

Borang soal selidik yang telah diisi lengkap oleh responden akan dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for Social Sciences Version 10.0* . Dapatan analisis menunjukkan keseluruhan nilai-nilai alpha untuk semua item dalam soal selidik adalah 0.75. Menurut Mohd Majid (1998), nilai kebolehpercayaan yang sesuai digunakan dalam penyelidikan bagi sesuatu alat ukur ialah yang mempunyai nilai alpha yang lebih daripada 0.60.

Selain itu, penyelidik juga turut membuat kesahan bagi item-item soal selidik dengan berjumpa dan memohon kerjasama daripada tiga orang pensyarah di fakulti pendidikan bagi mengesahkan kebolehpercayaan itemitem tersebut.

Analisis Data

Aspek pembinaan sahsiah diri merupakan salah satu aspek yang penting ke arah kecemerlangan diri yang menyeluruh. Malah sahsiah diri perlu ditekankan kepada pelajar lebih-lebih lagi sebagai seorang pemimpin pelajar yang perlu menjadi contoh terbaik kepada pelajar lain. Terdapat 18 item yang digunakan bagi mengetahui tahap pembinaan sahsiah diri di kalangan pemimpin pelajar yang terlibat dalam sebarang aktiviti kokurikulum sama ada kelab dan persatuan, unit beruniform mahupun sukan dan permainan. Berdasarkan analisis yang di peroleh, penyelidik mendapati responden mempunyai pandangan yang berbeza antara satu sama lain.

Berdasarkan jadual 4.17, secara keseluruhannya purata peratusan bagi setiap item (item 1 hingga item 18) bagi mengkaji perkaitan penglibatan dalam aktiviti kokurikulum terhadap aspek pembinaan sahsiah diri pemimpin pelajar adalah 89.2% merupakan skor tertinggi yang menggabungkan responden yang setuju dan sangat setuju, 9.58% responden yang neutral dan 1.2% bagi responden yang tidak setuju dan sangat tidak setuju. Skor min keseluruhan bagi aspek pembinaan sahsiah diri adalah tinggi iaitu 4.32. Daripada hasil analisis data menunjukkan responden positif menyatakan aspek pembinaan sahsiah diri mampu diterapkan kepada pelajar-pelajar yang terlibat dalam sebarang aktiviti kokurikulum

Hasil analisis data bagi aspek pembinaan sahsiah diri, item 3 menunjukkan peratusan responden tertinggi berbanding item lain iaitu 95.2% bersetuju bahawa melalui aktiviti kokurikulum mampu meningkatkan keyakinan diri responden apabila berkomunikasi dengan rakan lain. Manakala hanya 1.2% responden tidak bersetuju dan 3.6% responden tidak pasti dengan keyakinan diri yang ada pada diri mereka apabila terlibat dengan aktiviti kokurikulum. Selain itu, tiada skor terendah pada mana-mana item bagi aspek pembinaan sahsiah diri.

Jadual 4.17 : Taburan Responden Berkaitan Aspek Pembinaan Sahsia Diri

No	ITEM-ITEM	STS <i>f</i> (%)	TS <i>f</i> (%)	TP <i>f</i> (%)	S <i>f</i> (%)	SS <i>f</i> (%)	Min	
1	Saya tahu kepentingan melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum.	0 (0)	2 (1.2)	6 (3.6)	65 (39.2)	93 (56.0)	4.5	
2	Penglibatan dalam kelab dan persatuan memerlukan saya menggunakan masa lapang saya dengan bijak.	0 (0)	2 (1.2)	6 (3.6)	44 (26.5)	144 (68.7)	4.63	
3	Saya dapat membina keyakinan diri apabila berkomunikasi dengan rakan melalui aktiviti kokurikulum.	0 (0)	0 (0)	8 (4.8)	63 (38.0)	95 (57.2)	4.52	
4	Saya suka terlibat dengan aktiviti kokurikulum kerana banyak membantu saya menjadi mahasiswa yang prihatin.	1 (0.6)	1 (0.6)	17 (10.2)	69 (41.6)	78 (47.0)	4.34	
5	Penglibatan dalam kokurikulum melatih saya menghormati golongan yang lebih dewasa dari saya.	0 (0)	2 (1.2)	13 (7.8)	70 (42.2)	81 (48.8)	4.39	
6	Saya melaksanakan tugas yang diberi oleh ketua saya dengan amanah dan bersungguh-sungguh.	0 (0)	1 (0.6)	17 (10.2)	87 (52.4)	61 (36.7)	4.25	
7	Saya berani mengutarakan pendapat saya walaupun berbeza dengan pendapat orang lain melalui pengalaman berorganisasi.	0 (0)	2 (1.2)	29 (17.5)	84 (50.6)	51 (30.7)	4.11	
8	Penglibatan dalam kokurikulum membantu saya mengetahui tanggungjawab saya sebagai mahasiswa.	0 (0)	3 (1.8)	20 (12.0)	79 (47.6)	64 (38.6)	4.23	
9	Melalui aktiviti kokurikulum dapat membina kesedaran diri saya untuk menjadi manusia yang bermanfaat kepada masyarakat.	0 (0)	2 (1.2)	20 (12.0)	82 (49.4)	62 (37.3)	4.23	
10	Penglibatan dalam kokurikulum membantu saya menjadi mahasiswa yang berdisiplin seperti menepati masa.	0 (0)	3 (1.8)	21 (12.7)	81 (48.8)	61 (36.7)	4.20	
11	Penglibatan dalam kokurikulum meningkatkan sikap ingin tahu saya terhadap sesuatu perkara.	1 (0.6)	2 (1.2)	17 (10.2)	80 (48.2)	66 (39.8)	4.25	
12	Penglibatan dalam kokurikulum mendidik saya menghargai pendapat orang lain.	0 (0)	1 (0.6)	11 (6.6)	81 (48.8)	73 (44.0)	4.36	
13	Saya menjadi lebih berdikari sejak melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum.	0 (0)	1 (0.6)	18 (10.8)	76 (45.8)	71 (42.8)	4.31	
14	Saya berpeluang memperkembangkan bakat dan potensi diri saya dalam aktiviti kokurikulum.	0 (0)	3 (1.8)	16 (9.6)	80 (48.2)	67 (40.4)	4.27	
15	Saya mampu meningkatkan integrasi sosial (perpaduan) dengan pelbagai lapisan masyarakat melalui aktiviti kokurikulum.	0 (0)	3 (1.8)	18 (10.8)	78 (47.0)	67 (40.4)	4.26	
16	Penglibatan dalam kokurikulum meningkatkan keinginan saya untuk menimba pelbagai ilmu pengetahuan.	0 (0)	2 (1.2)	16 (9.6)	73 (44.0)	75 (45.2)	4.33	
17	Penglibatan dalam kokurikulum menggalakkan saya berfikir secara positif.	0 (0)	2 (1.2)	9 (5.4)	77 (46.4)	78 (47.0)	4.39	
18	Saya mempunyai perancangan diri dari aspek jangka pendek dan perancangan jangka panjang.	0 (0)	1 (0.6)	25 (15.1)	81 (48.8)	59 (35.5)	4.19	
Jumlah Peratus Keseluruhan		1.17		9.58	89.2			
Jumlah Skor Min Keseluruhan								4.32

Perbincangan

Berdasarkan jadual 4.20, dapatan ujian korelasi menunjukkan nilai signifikan $p = 0.000 < \alpha = 0.05$ bagi hubungan tersebut. Ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan antara aspek pembinaan sahsiah diri dengan kepimpinan dalam kalangan pimpinan pelajar.

Dapatan analisis bagi nilai pekali korelasi, r bagi hubungan pembinaan sahsiah diri dengan kepimpinan responden adalah 0.800. Menurut Garis Panduan Gliford dalam Azizi Yahya (2006) menunjukkan hubungan bagi kedua-dua aspek kecemerlangan diri iaitu pembinaan sahsiah diri pembinaan kepimpinan adalah tinggi dan kuat.

Penyelidik dapat menyimpulkan bahawa bagi melahirkan graduan yang berkualiti sepertimana hasrat universiti memerlukan kepada pembinaan kecemerlangan diri yang menyeluruh. Ini kerana, sahsiah dan jati diri yang teguh mampu membawa kepada kecemerlangan dalam akademik dan seterusnya akan terserlah ciri-ciri kepimpinan pada diri pelajar. Menurut Lukman (2005), IPTA yang berkualiti mampu melahirkan graduan yang berkualiti bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga dari segi kemahiran-kemahiran lain termasuk kepimpinan, kemahiran komunikasi, nilai murni dan sebagainya.

Rujukan

- Azizah Nordin (1991). "Kokurikulum dan Sumbangannya Terhadap Perkembangan Diri Individu Secara Menyeluruh." *Jurnal Pendidikan Guru*. 7: 33-42.
- Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan (2006). "Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori, Analisis & Intrepetasi Data".
- Baker, T.L. (1994). "Doing Social Research". 2nd Edition. New York : Mc Graw Hill Inc.
- Cheah Swee Ming, (1995). "Sains Dalam Sukan". Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Drucker, Peter F., (1993). "Managing for the Future". Oxford: Butterworth- Heinemann. hlmn:13-21
- Ishak Md. Nor (1998). "Penyertaan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Sekolah Menengah Johor Bahru." Tesis Sarjana. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1984). "Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran". 1979, Reprint, Kuala Lumpur : DBP
- Lukman Ismail (2005) Jumaat, 27 Mei, Utusan Malaysia, ms 7.
- Mashitah Ghazali (1995)., Kegiatan kokurikulum di sekolah membantu membina daya kepimpinan di kalangan pelajar menengah atas Kolej Sultan Abdul Hamid. Tesis tidak diterbitkan : Universiti Utara Malaysia.
- Nik Aziz Nik Pa (1990). "Program Pendidikan Pelajar Pintar Cerdas". Selangor : Dewan Pustaka Islam.
- O' Dannel, K.H.,& Wairich, H. (1992). "Pengurusan". Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Terjemahan Mohd. Salmi Mohd. Soned dan Siti Nazdrah Sheikh Omar.
- Robert V. Hockey, (1993). "Physical Fitness; The Pathway to Healthful Living". Missiouri Mosby-Year Book, Inc.
- Sohair Abdel Moneim Sery, (1990). "Konsep Pengurusan Penadbiran Menurut Ajaran Islam".Kuala Lumpur : Pustaka Antara.
- Stephen Covey (1991), *Principle-Centered Leadership*, Summit Books, New York.
- Tajul Ariffin & Nor 'Aini, (2005). "Mahasiswa Abad 21: Pembangunan Mahasiswa Berdasarkan Modul Sinergi Bersepadu". Bangi : Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Yayasan Istana Abdul Aziz.